

30 AUG 1997

Agong-UAE

AGONG TERIMA MENGADAP MENTERI LUAR UAE

KUALA LUMPUR, 30 Ogos (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar hari ini menerima menghadap Menteri Luar Emiriyah Arab Bersatu (UAE) Sheikh Hamdan Zayed Al Nahayan di Istana Negara di sini hari ini.

Turut hadir ialah Raja Permaisuri Agong Tuanku Najihah.

Sheikh Hamdan yang juga putera presiden UAE Abu Dhabi, diiringi oleh isterinya Sheikh Shamsa Hamdan Mohd Al Nahayan.

Sebelum ini, Sheikh Hamdan dan anggota keluarganya menghabiskan masa selama seminggu di Pulau Pinang.

UAE ialah rakan dagangan terbesar Malaysia di Asia Barat yang memberikan keuntungan AS\$800 juta (US\$1=RM2.89) kepada Malaysia.

Eksport Malaysia sebahagian besarnya terdiri daripada peti televisyen, perakam suara, peralatan elektronik, tekstil dan pakaian, barangan kemas, minyak kelapa sawit dan kayu bergergaji.

Eksport UAE ke Malaysia adalah aluminium, gas asli cecair, kaca dan polimer.

UAE mempunyai penduduk seramai 2.4 juta dan daripada jumlah itu, satu per empat adalah warganegara UAE. Negara itu mengeluarkan minyak dan gas dengan jumlah pengeluaran minyak sehari sebanyak 2.16 juta tong sehari mengikut kuota yang ditetapkan oleh Pertubuhan Negara Pengeluar Minyak (OPEC).

Seorang jurucakap kedutaan UAE di sini berkata, Tuanku Ja'afar dan Tuanku Najihah dijadualkan akan mengadakan kunjungan negara ke UAE pada 19-22 Nov.

Beliau berkata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijangka mengadakan kunjungan rasmi ke negara itu pada 17-19 Mac depan. Beliau dijangka akan menyampaikan ucapan dasar pada Forum Emiriyah Antarabangsa 1998.

Semasa kunjungan Dr Mahathir itu nanti, beberapa perjanjian akan dimeterai bagi mempertingkatkan aliran perdagangan antara kedua-dua negara. Malaysia juga dijangka akan mencadangkan pemansuhan peraturan visa bagi rakyat Malaysia yang mengunjungi UAE bagi mempertingkatkan hubungan antara rakyat kedua-dua negara. -- BERNAMA

ARA MZ RON